

Malaysia berminat jadi pintu masuk barangan Rusia

KUALA LUMPUR 5 Ogos — Malaysia berminat untuk menjadi 'pintu masuk' bagi barangan keluaran Rusia ke rantau ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau yang juga Menteri Kewangan percaya Rusia mempunyai banyak kelebihan di bidang saintifik dan teknologi yang boleh ditawarkan termasuk yang diperlukan oleh Malaysia.

Pada masa yang sama, Dr. Mahathir berkata, Malaysia mempunyai pelbagai produk yang dieksport ke seluruh dunia tetapi amat kecil bilangannya memasuki pasaran Rusia.

"Oleh itu, kita berharap dapat mencapai kesoimbangan dalam perdagangan dengan Rusia supaya wujud perdagangan yang adil," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan semasa sesi dialog pada Forum Perniagaan Malaysia-Rusia sempena kunjungan Presiden Vladimir Putin ke Malaysia, di sini hari ini.

Hadir sama ialah Pengerusi Bersama Majlis Perniagaan Malaysia-Rusia yang juga Pengerusi Kumpulan Sapura, Tan Sri Ir. Shamsuddin Abdul Kadir.

Dr. Mahathir berkata, perdagangan antara kedua-dua negara buat masa ini amat terhad meliputi import keluli, pesawat dan produk yang berkaitan dari Rusia, manakala hanya sebilangan kecil produk Malaysia dieksport ke negara itu.

"Malaysia mempunyai pelbagai produk yang

dieksport ke seluruh dunia tetapi amat kecil bilangannya yang dieksport ke Rusia," katanya.

Perdana Menteri berharap negara itu dapat membuka semula pintu bagi kemasukan eksport kereta nasional berasaskan potensi usaha sama untuk mengeluarkan dan memasangnya di Rusia.

Beliau yakin usaha sama itu mampu membawa keseimbangan perdagangan antara kedua-dua negara.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri yakin kerjasama ahli perniagaan kedua-dua negara termasuk menerusi Forum Perniagaan yang dianjurkan oleh Majlis Perniagaan Malaysia-Rusia kali ini, akan membawa manfaat dalam hubungan perdagangan dua hala.

LOM - 6 AUG 20